

29 AUG 2001

DR MAHATHIR TERIMA KAD UCAPAN HARI KEBANGSAAN DARIPADA 19 KUMPULAN

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kad ucapan Hari Kebangsaan daripada 19 kumpulan murid sekolah, agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela.

Kad-kad dalam pelbagai saiz dan corak itu, diserahkan kepada Perdana Menteri dalam satu majlis di Dataran Perdana, Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Sebanyak 1,200 orang mewakili pelbagai kumpulan itu termasuk murid-murid dari sebuah tadika dan enam sekolah rendah dan menengah turut hadir pada majlis itu.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut menerima Jalur Gemilang daripada rombongan 300 anggota ekspedisi bermotosikal dari Sik, Kedah.

Ekspedisi itu dianjurkan bersama oleh Pemuda Umno Bahagian Sik dan Majlis Belia Daerah Sik.

Perdana Menteri juga menyampaikan hadiah kepada Johann Ghazaly, pelajar Tingkatan Tiga, SMK St John, Kuala Lumpur dan Pong Yu Ming, pelajar Tingkatan Empat, SMK Taman Desa, Kuala Lumpur yang memenangi pertandingan menulis karangan-surat Hari Merdeka NST/Coca-Cola.

Masing-masing menerima hadiah utama RM5,000.

-- BERNAMA

AFY HK MAI